

02/04/1997

Langkah drastik dapatkan pakar bagi MSC

GEORGETOWN, Selasa - Kerajaan menggariskan beberapa langkah drastik untuk memenuhi keperluan sumber tenaga manusia, yang menjadi unsur paling kritikal dalam menjayakan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, langkah itu perlu kerana Malaysia memerlukan pekerja berpengetahuan dan mahir yang dapat menyesuaikan diri dalam bidang teknologi maklumat.

Antara langkah itu ialah merubah dan mengubah suai kurikulum pendidikan di semua peringkat melalui komitmen Kementerian Pendidikan; menubuhkan Universiti Multimedia; serta memberi penekanan kursus teknikal, kejuruteraan; dan reka bentuk di peringkat institut pengajian tinggi (IPT).

Timbalan Perdana Menteri menjelaskan, menerusi penubuhan universiti antarabangsa, termasuk persetujuan Institut Teknologi Massachusetts (MIT) untuk menubuhkan operasi di MSC dan konsep Sekolah Bestari, semua sekolah di Malaysia akan dihubungkan dengan Internet menjelang tahun 2000.

"Bagi menjayakan MSC, satu pendekatan mendadak dan menyeluruh membabitkan latihan sumber manusia, sistem pendidikan dan undang-undang dilaksanakan secara besar-besaran di semua peringkat.

"Undang-undang Siber sudah dibawa ke Parlimen, kemudahan infrastruktur termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Kuala Lumpur City Centre (KLCC) di MSC hampir siap," katanya ketika menyampaikan ucapan di Persidangan Asia Pacific Platinum Summit 1997 di sini hari ini.

Persidangan sehari anjuran Dell Asia Pacific Sdn Bhd itu dihadiri kira-kira 100 pelanggan antarabangsa Dell Computer Corporation. Turut hadir ialah Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Pengerusi dan Ketua Eksekutif Dell Computer Corporation, Michael S Dell.

Anwar yang juga Menteri Kewangan menyifatkan pembangunan MSC adalah projek teknologi maklumat terbesar yang pernah diusahakan oleh Malaysia atau mana-mana negara rantau ini.

Sehubungan itu, beliau sekali lagi memberi jaminan terhadap komitmen Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerajaan dan rakyat negara ini terhadap projek itu.

Malaysia mahu memasarkan dirinya sebagai pusat pengeluaran dan pemasaran teknologi maklumat dengan penyediaan infrastruktur bersifat antarabangsa, sumber manusia terlatih, kebebasan syarikat antarabangsa terhadap sumber modal, perlindungan harta intelek, tarif telekom yang kompetitif, tiada penapisan dalam Internet dan insentif kewangan yang menggalakkan.

Menurutnya, sambutan terhadap MSC setakat ini amat menggalakkan dengan 500 syarikat menunjukkan minat, termasuk 122 syarikat antarabangsa.

(END)